

AXCEL FLEMIN EXPECTORANT

Diphenhydramine Hydrochloride / Ammonium Chloride (12.5mg/130mg per 5ml)

APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI

1. Apakah kegunaan Axcel Flemin Expectorant.
2. Bagaimana Axcel Flemin Expectorant berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Flemin Expectorant.
4. Cara menggunakan Axcel Flemin Expectorant.
5. Semasa menggunakan Axcel Flemin Expectorant.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Flemin Expectorant.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

APAKAH KEGUNAAN AXCEL FLEMIN EXPECTORANT

Axcel Flemin Expectorant digunakan untuk melegakan batuk dan melegakan kesesakan hidung dan bronkial (tiub yang membawa udara ke dalam paru-paru).

BAGAIMANA AXCEL FLEMIN EXPECTORANT BERFUNGSI

Diphenhydramine hydrochloride merupakan antihistamina yang berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi tertentu (histamina) yang dihasilkan oleh badan anda semasa tindak balas alergi.

Ammonium chloride digunakan sebagai ekspektoran. Ia membantu mencairkan kahak menjadikannya lebih mudah untuk dibatuk keluar.

SEBELUM MENGGUNAKAN AXCEL FLEMIN EXPECTORANT

Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alergi atau hipersensitif terhadap diphenhydramine atau antihistamina yang lain.
- Jika anda menerima terapi *monoamine oxidase inhibitors* (MAOIs) (antikemurungan).
- Jika anda mempunyai masalah kemerosotan fungsi hati atau buah pinggang.

- Jika ia bukan dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi bertaualiah kepada anda.
- Jangan ambil Axcel Flemin Expectorant jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Jangan ambil Axcel Flemin Expectorant jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Sebelum mula mengguna

Sebelum anda mengambil Axcel Flemin Expectorant anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda menghidapi glaukoma sudut sempit (peningkatan tekanan dalam mata), asma bronkial, hipertiroidisme (peningkatan paras hormon tiroid), penyakit kardiovaskular (jantung dan saluran darah) dan hipertrofi prostat (pembesaran kelenjar prostat), ulser peptik (sakit pada lapisan perut atau duodenum, bahagian pertama usus kecil), obstruksi *pyloroduodenal* (obstruksi saluran keluar gastrik) dan gangguan tiub leher pundi kencing (masalah aliran air kencing yang terputus-putus).
- Jika anda mengambil ubat-ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- Jika anda hamil atau menyusukan bayi.

Axcel Flemin Expectorant tidak harus diberikan kepada bayi yang baru lahir atau bayi. Ia tidak digalakkan untuk kanak-kanak berumur di bawah 2 tahun.

Gunakan dengan berhati-hati atas nasihat doktor atau ahli farmasi untuk kanak-kanak yang berumur di antara 2 hingga 6 tahun.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubat lain

yang mungkin berinteraksi dengan Axcel Flemin Expectorant:

- Hipnotik, sedatif dan agen penenang.
- *Monoamine oxidase inhibitors* (MAOIs) (antikemurungan), aminoglikosida, antibiotik dan antimuskarinik.

CARA MENGGUNAKAN AXCEL FLEMIN EXPECTORANT

Berapa banyak harus digunakan

Dos perlu diambil pada setiap 4 – 6 jam sekali.

Dewasa dan kanak-kanak >12 tahun: 5-10ml (1-2 susu teh penuh), tidak melebihi 60ml (12 sudu teh penuh) dalam 24 jam.

Kanak-kanak 6-12 tahun: 2.5-5ml (separuh hingga 1 sudu teh penuh), tidak melebihi 30ml (6 sudu teh penuh) dalam 24 jam.

Kanak-kanak 2-5 tahun: 2.5ml (separuh sudu teh), tidak melebihi 15ml (3 sudu teh penuh) dalam 24 jam.

Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Flemin Expectorant bergantung kepada keadaan anda.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

AXCEL FLEMIN EXPECTORANT

Diphenhydramine Hydrochloride / Ammonium Chloride (12.5mg/130mg per 5ml)

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital yang terdekat dengan anda, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja yang menggunakan ubat ini secara berlebihan. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos:

- Kelalian
- Kemerosotan fungsi kardiovaskular (jantung atau saluran darah)
- Insomnia
- Halusinasi
- Mengelestar
- Konvulsi (sawan)
- Kepeningan
- Tinitus (bunyi berdering di dalam telinga)
- Ataksia (pergerakan otot yang tidak selaras)
- Pandangan kabur
- Tekanan darah rendah

SEMASA MENGGUNAKAN AXCEL FLEMIN EXPECTORANT

Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Flemin Expectorant.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Flemin Expectorant dengan sesiapa,

walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Produk ini boleh menyebabkan mengantuk.
- Berhati-hati ketika menjalani aktiviti yang memerlukan kepekaan mental.
- Hamil dan menyusukan bayi.
- Berhati-hati ketika diguna pada kanak-kanak dan golongan berumur.
- Elakkan penggunaan berterusan dalam dos yang tinggi.
- Elakkan minuman beralkohol ketika mengambil ubat ini.

KESAN-KESAN SAMPINGAN

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Flemin Expectorant boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Sedasi (termasuk rasa mengantuk, kesukaran menumpukan perhatian, kelesuan, kepeningan, tekanan darah rendah, kelemahan otot dan ketakselarasan).
- Gangguan gastrousus (seperti rasa loya, muntah-muntah, cirit-birit atau sembelit, sakit perut dan sakit epigastrik).
- Sakit kepala, keaburan penglihatan, tinnitus, keriangian atau kemurungan, kerengsaan, mimpi buruk, hilang selera makan, kesukaran membuang air kecil, kekeringan mulut, keadaan ketat di bahagian dada, berasa seperti cucukan halus, keadaan berat dan lemah tangan.

Ini bukanlah senarai lengkap kesan-kesan sampingan. Hubungi doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers -> Reporting*).

CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN AXCEL FLEMIN EXPECTORANT

Penyimpanan

Jauhkan Axcel Flemin Expectorant dari jangkauan kanak-kanak. Pastikan bekas tertutup rapat. Simpan pada suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Pelupusan

Jangan guna Axcel Flemin Expectorant selepas tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

MAKLUMAT LANJUT

Rupa dan warna produk

Axcel Flemin Expectorant merupakan sirap berwarna coklat dengan perisa karamel.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan Aktif:

Diphenhydramine HCl dan Ammonium Chloride.

Bahan-bahan Tidak Aktif:

Refined Sugar, Sodium Benzoate, Liquid Caramel, Sodium Citrate, Citric Acid Anhydrous, Caramel Flavor, Saccharin Sodium, Glycerin, Aspartame, Sorbitol 70%, Purified water.

Nombor MAL

MAL19991903AZ

AXCEL FLEMIN EXPECTORANT

Diphenhydramine Hydrochloride / Ammonium Chloride (12.5mg/130mg per 5ml)

PENGILANG AND PEMEGANG

PENDAFTARAN PRODUK

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD

No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,

Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

TARIKH KEMASKINI RIMUP

16/06/2015

NOMBOR SIRI

BPFK(R4/1)190515/00110